

Masak bersama pererat hubungan

Oleh SAFHRAS KHAN
safkhan@sph.com.sg

SEJAK kecil lagi, Encik Mohd Khair Mahat rajin membantu neneknya memasak.

Kini, pemuda berusia 19 tahun itu bukan sahaja pandai menyediakan hidangan seperti nasi beriani dan asam pedas, malah mahir membuat kuih-muih.

Bahkan, beliau berada di sisi neneknya, Cik Hasna Salleh, 68 tahun, ketika berkongsi resipi roti jala dan kari ayam dalam acara Kumpulan Kepentingan Resipi Nenek di Kelab Masyarakat Yio Chu Kang semalam.

Sesi anjuran Persatuan Rakyat itu diharap dapat mengeratkan lagi hubungan antara cucu dengan datuk nenek.

Encik Mohd Khair gembira kerana menda-



MASAK BERSAMA NENEK: Encik Mohd Khair Mahat menolong neneknya, Cik Hasna Salleh, (bertudung biru) menyediakan roti jala. – Foto TUKIMAN WARJI

pat dorongan dan tunjuk ajar neneknya.

“Saya belajar memasak hanya daripada melihat nenek menyiapkan lauk-pauk,” kata pemuda yang baru menamatkan pengajiannya dalam bidang elektrik di ITE Balestier.

Cik Hasna, 68 tahun, nenek 20 cucu, berkata sesi seperti itu boleh mengeratkan lagi hubungan antara beliau dengan datuk dan nenek, selain boleh mendapat ramai kenalan pelbagai kaum.

Menurut Juara Hidup Keluarga bagi Kawasa-

nundi Yio Chu Kang, Cik Daisy Koh, sesi seperti itu memberi peluang kedua-dua generasi mengeratkan hubungan.

“Saya berharap lebih ramai beliau seperti Encik Mohd Khair akan mengikuti sesi seperti ini di masa hadapan,” ujarnya.